

03/09/2003

Kaitan kemerdekaan dengan usahawan

Datuk Salleh Majid

PADA Ahad lalu, seluruh rakyat Malaysia menyambut Hari Kebangsaan ke-46. Dalam perutusan sempena sambutan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan mengenai ketidakseimbangan hak milik kuasa ekonomi di antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera.

Selepas 23 tahun Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan, hak milik Bumiputera hanya tinggal 19 peratus, itu pun dengan penyertaan agensi amanah yang ditubuhkan kerajaan. Tanpa agensi seperti Permodalan Nasional Berhad, Lembaga Tabung Haji dan sebagainya, peratusan ini tidak mungkin mencapai tahap itu. Punca sebenar peratusan ini tidak sampai matlamat 30 peratus yang disasarkan mudah saja. Mereka yang diberikan peruntukan saham dan ekuiti sebagai memenuhi matlamat itu menjual peruntukan diberikan kepada mereka.

Bumiputera berkenaan menjual segala bentuk saham dan ekuiti yang mereka peroleh kerana tidak memiliki kuasa untuk menyimpan kerana sewaktu melunaskan bayaran bagi peruntukan itupun wang diperoleh melalui pinjaman bank. Kalau hasil daripada jualan saham dilaburkan semula ke dalam pelaburan tentu peratusan hak milik itu akan meningkat.

Pendeknya inti pati perutusan Dr Mahathir ialah Bumiputera kini perlu 'mengejar' jika tidak mahu ketinggalan berbanding golongan lain. Satu caranya tidak lain ialah mengambil pendekatan yang memberikan gandaan yang banyak dalam usaha mencipta kekayaan ekonomi. Caranya ialah menjadi majikan atau memiliki syarikat sendiri serta tidak melepaskan peluang dalam sebuah negara yang kaya dengan hasil bumi ini.

Banyak bidang yang belum lagi diterokai dan ramai lagi usahawan diperlukan oleh Bumiputera. Memang tidak dinafikan bukan semua yang mencuba akan berjaya. Menjadi usahawan memerlukan seseorang bekerja keras dan memiliki semangat yang tidak mudah menyerah kalah. Ia tidak memerlukan bergulung-gulung ijazah atau terbatas kepada yang berusia atau satu jantina saja.

Kenapa mereka yang berhijrah ke negara kita boleh berjaya, sedangkan mereka datang dengan sehelai sepinggang saja? Janganlah kita bayangkan usahawan ini hanya terbabit dalam perniagaan besar atau berpejabat di bangunan dengan kadar sewa tinggi. Berapa ramai usahawan kita yang menggunakan rumah sendiri untuk berniaga? Mereka yang menjaga anak orang yang bekerja di rumah sendiri juga suatu perniagaan.

Mereka yang berjalan dari satu pejabat kepada satu pejabat menunjukkan hasil tangan atau kuih muih untuk tempahan pada musim perayaan tanpa sebarang pejabat juga suatu perniagaan. Mereka yang menjual udang yang dibela dalam akuarium di rumah di pasar malam juga suatu perniagaan yang tidak mengganggu kerja harian kerana berniaga pada malam hari.

Menjual barang yang dibuat oleh orang lain juga suatu perniagaan. Menjual kopi, 'royal jelly', ubat, sabun kain dan seribu satu macam keperluan harian untuk syarikat jualan langsung juga suatu perniagaan. Janganlah apabila kita bercakap pasal perniagaan kita ingin membuka restoran atau menjadi kontraktor sedangkan kita sendiri tidak tahu satu benda pun. Hendak buka restoran, makanan dihidangkan kena sedap bukan pada selera kita saja tetapi kepada selera orang lain. Kalau kita saja yang rasa sedap, kita sajalah yang akan makan.

Bidang pembinaan memang suatu pekerjaan yang membahagi-bahagikan tugas kepada beberapa jenis kemahiran. Tetapi kerjanya bukanlah setakat mengagih-agihkan kerja kepada orang lain dan tidak payah mengambil tahu

mengenai kerja yang perlu dilakukan.

Apakah kaitan kemerdekaan dengan usahawan? Semangat keusahawananlah yang melambangkan betapa merdekanya seseorang itu. Merdeka dari sudut bidang yang hendak diceburi, merdeka dari segi melepaskan tanggungan harian seperti keperluan perumahan, perbelanjaan, pendidikan anak-anak, bersedekah dan berbakti kepada yang memerlukan.

Tidak lama lagi dunia akan melalui suatu fasa yang dikenali sebagai globalisasi dagangan iaitu tidak akan ada lagi halangan kepada dagangan di antara sebuah negara dengan yang lain. Globalisasi tidak mengambil kira taraf sesebuah negara itu sama ada baru membangun atau sudah mencapai tahap negara maju. Syarikat gergasi negara maju akan meredah masuk ke pasaran negara yang sedang membangun dan merebut apa saja peluang yang boleh mereka peroleh atas alasan "padang yang sama rata untuk permainan".

Hujah yang mereka gunakan ialah syarikat kita juga boleh masuk ke pasaran mereka. Tetapi mampukah syarikat kita bersaing dengan syarikat gergasi mereka dalam pasaran mereka?

Tanpa usahawan yang nampak bidang yang belum diterokai akan terlepaslah bidang ini kepada orang asing yang lebih maju dalam pelbagai bidang ilmu. Kelebihan mereka ini akan digunakan untuk meraih keuntungan daripada bidang perniagaan yang tidak kita kenal pasti. Bioteknologi, misalnya, sudah diterokai oleh mereka di negara maju lebih 40 tahun dulu, sedangkan kita baru hendak menubuhkan lembah bioteknologi baru-baru ini. Bioteknologi menjanjikan faedah untuk pelbagai jenis bidang dari pertanian kepada pekilangan.

Negara yang tidak memiliki hasil bumi seperti Skandinavia tetap maju disebabkan oleh kebolehan sumber manusia, ilmu yang mereka ada yang bakal menjadi tumpuan ekonomi kita iaitu k-ekonomi atau ekonomi ilmu pengetahuan. Tumpuan faktor pengeluaran bukan lagi kepada tanah, buruh dan modal saja, tetapi ilmu pengetahuan.

Kalau dilihat sikap kebanyakan syarikat kita yang segan melabur untuk penyelidikan, di manakah akan kita peroleh ilmu baru untuk bahan yang ada di negara sendiri? Mereka juga segan menyokong penyelidikan yang dikendalikan oleh institusi pengajian tinggi. Livita, sejenis minimum tenaga dari Jepun, misalnya, memperkenalkan minuman Livita Akar Ali yang mencampurkan tongkat ali, satu-satunya tanaman di negara kita sendiri. Berapakah jenama kita yang menembusi pasaran antarabangsa?

Suatu kajian yang pernah dijalankan tidak lama dulu untuk mengetahui penghayatan syarikat yang tersenarai mengenai matlamat Wawasan 2020, mendapati hanya tiga peratus yang benar-benar menghayati matlamat dan tujuan Wawasan 2020.

Oleh itu, negara memerlukan lebih ramai lagi usahawan, terutama Bumiputera bukan saja untuk meningkatkan hak milik ekonominya, malah supaya dapat menyeimbangkannya dengan usahawan yang sedia ada yang tidak begitu prihatin akan hajat kita menjadi negara perindustrian sepenuhnya sebelum 2020.